

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JULY 2017

SIRI AKHIR

# BUAT 'PUSINGAN U' YANG MEMUALKAN

## MUKADIMAH

BAIK Penasihat DAP, Lim Kit Siang mahupun anaknya, Lim Guan Eng, mereka dikatakan gemar menuding jari dan menyibuk hal-hal orang lain daripada melihat cermin perbetulkan diri sendiri. Bercakap berdegardegar kononnya 'tahu segala benda'. Padahal sehingga hari ini pun DAP masih belum mampu selesaikan isu pemilihan partinya yang tidak sah pada Disember 2012. Atau pemilihan semula yang juga tidak sah pada September 2013.

Paparan 10 siri oleh wartawan *Utusan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL** menyorot tindak tanduk percaturan DAP melalui Kit Siang dan Guan Eng dalam kemelut politik lepas dan semasa negara.

**S**ALAH satu pusingan U atau *U-turn* DAP yang memeranjatkan rakyat negara ini - perkataan yang paling tepat, memualkan - adalah keengganan parti itu menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Bukankah DAP parti politik yang paling lantang bercakap soal pembanteras rasuah, mendabik dada sebagai bersih dan telus? Malangnya, apabila tiba bab tandatangan IBR, boleh pula menikus dan buat tidak tahu.

Signifikan pelaksanaan IBR antaranya suatu penzahiran akujanji kepada komitmen individu dalam pembanteras rasuah. Mengapa pula IBR ini dipandang sepi oleh kerajaan DAP Pulau Pinang?

Lupakan sahaja prinsip Cepak, Amanah dan Telus (CAT) yang dilaksanakan di Pulau Pinang yang kononnya 'lebih berkesan dalam usaha membasmi rasuah dan penyalahgunaan kuasa'. Kerana apa perlu dilupakan? Kerana Ketua Menterinya, Lim Guan Eng



SEBAGIAN daripada 50 ahli Pas kawasan Bagan mengadakan himpunan aman di hadapan Masjid Jamek Sungai Puyu bagi menyatakan sokongan mereka kepada Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang serta menyokong sepenuhnya pelaksanaan hukum hudud di Kelantan menerusi pembentangan Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Pindaan 2015), di Butterworth, Pulau Pinang, 3 April 2015. - UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM

sendiri tidak bersedia menjulang sebagai kepatuhan integriti kepimpinannya.

Sudah berbuih mulut banyak pihak mendesak Guan Eng supaya bercuti sementara daripada jawatan ketua menteri untuk menghadapi perbicaraan kes di mahkamah. Kes yang dihadapinya bukanlah kes kecil.

Guan Eng didakwa sebagai penjawat awam yang telah menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan bagi dirinya dan isterinya, Betty Chew Gek Cheng, dengan meluluskan Permohonan Perlingkungan Semula daripada Zon Pertanian kepada Zon Perumahan Awam di Daerah Barat Daya negeri ini kepada syarikat Magnificent Emblem Sdn. Bhd. Ini didakwa dilakukan ketika mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perancang negeri di Bilik Gerakan, Tingkat 28, Bangunan Komtar pada 18 Julai 2014.

Dia didakwa mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan jawatannya itu didakwa sebagai penjawat awam yang telah mendapatkan untuk

dirinya suatu barang berharga dengan suatu balasan yang diketahui tidak mencukupi, iaitu lot tanah dan sebuah rumah yang terletak di alamat No 25, Jalan Pinhorn daripada Li Koon dengan harga RM2.8 juta. Sedangkan nilai semasa hartanah itu adalah sebanyak RM4.27 juta dan Li Koon mempunyai hubungan dengan kerajaan negeri.

Perkara itu didakwa di rumah banglo terlibat pada 28 Julai 2015 dan beliau didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya. Dengan segala pertembungan di antara Guan Eng dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai kes banglo ini, adakah ini menjadi penyebab kerajaan DAP Pulau Pinang enggan menandatangani IBR?

Dalam mengikut rentak arus politik semasa, bapa Guan Eng, Lim Kit Siang sendiri tidak kisah berapa banyak pusingan U yang diredahnya. Dalam hal ini, Timbalan Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM), Datuk Huan Cheng Guan pernah meminta Kit Siang membaca semula buku yang pernah ditulisnya kira-kira 30 tahun lalu berkaitan skandal BMF supaya kembali sedar mengenai-nya.

Cheng Guan mengingatkan Penasihat DAP itu supaya tidak mudah membuat pusingan U berhubung isu yang suatu ketika dulu diujarkannya hanya semata-mata sudah bekerjasama dengan musuh ketatnya dahulu, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Ahli politik mesti ada integriti, perlu kotakan apa yang pernah diungkapkan sebelum ini. Kenapa tiada lagi desakan serupa supaya ditubuhkan suruhanjaya siasatan diraja bagi menyiasat skandal BMF sebagaimana pernah diutarakan dulu," katanya kepada penulis.

Tidak sahaja Kit Siang dan Guan Eng, pemimpin DAP lain turut membuat pusingan U. Ahli Parlimen DAP Seremban, Anthony Loke, dalam ceramahnya kepada masyarakat Cina suatu ketika meminta mereka tidak bimbang dengan hukuman hudud. Ini kerana, katanya dalam video yang tular di media sosial, jika tidak mencuri atau merompak, mereka tidak akan dikenakan hukuman hudud.

Tetapi kini DAP dilihat mempengaruhi pula masyarakat Cina supaya membantah pindaan RUU 355, yang dikatakan bertentangan dengan pendirian parti itu ketika masih bekerjasama dengan Pas pada 2014.

Semasa DAP bersama Pas dalam Pakatan Rakyat, hudud ini tidak menjadi halangan kepada perjuangan mereka, khususnya Kit Siang dan Guan Eng. Ini terutama dalam perjanjian antara Abdul Hadi dan Guan Eng.

Perjanjian itu jelas menyatakan DAP bersetuju Pas berhak memperjuangkan akidah dan konsep negara Islam secara sendiri. Bagaimanapun, DAP tiba-tiba '*U-Turn*' dan tidak bersetuju dengan perjuangan Pas. Alasannya, ia bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Adakah ini membuktikan DAP hipokrit? Hanya untuk mendapatkan sokongan dan kuasa politik? Gemar mencera orang itu salah orang ini tak betul, akhirnya semua tahu pihak mana yang benar - 'yang berpuro selalu hendak menggaruk'.